

Trenlin 400

Pentoxifyline

MAKLUMAT UBAT PENGGUNA

Apakah yang terkandung dalam risalah ini

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang Trenlin 400.

Ia tidak mengandungi semua informasi yang tersedia ada. Ia tidak menggantikan perbincangan dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko yang akan dihadapi jika anda mengambil Trenlin terhadap manfaat yang mereka jangkakan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan untuk mengambil ubat ini, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya semula.

Apakah fungsi Trenlin 400

Trenlin 400 ialah sejenis ubat yang digunakan untuk mempertingkatkan peredaran darah.

Trenlin 400 digunakan untuk merawat simptom-simptom penyakit kronik arteri oklusif. Simptom penyakit ini termasuk kepincangan dan sakit, biasanya pada bahagian otot kaki.

Trenlin 400 merupakan pil perlepasan perlahan di mana kandungan aktifnya dilepaskan secara perlahan dalam beberapa jam.

Doktor anda mungkin membekalkan Trenlin 400 kepada anda untuk tujuan yang lain.

Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan Trenlin 400 dibekalkan kepada anda.

Trenlin 400 hanya akan dibekalkan jika terdapat preskripsi daripada doktor.

Sebelum anda mengambil Trenlin 400

Bilakah anda tidak patut mengambil ubat ini

Jangan mengambil Trenlin 400 jika anda:

- * baru lepas pembedahan
- * masalah pendarahan
- * masalah jantung, seperti mengalami serangan sakit jantung
- * masalah buah pinggang atau hati
- * user perut atau sejarah ulser
- * alah terhadap kafein atau theophylline (sejenis ubat digunakan untuk merawat asma)

Jangan mengambil Trenlin 400 jika anda alah terhadapnya atau sebarang bahan yang

disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini.

Simptom-simptom alahan termasuk ruam kulit, gatal, sesak nafas atau bengkak pada muka, bibir atau lidah yang boleh menyebabkan kesukaran untuk menelan atau bernafas.

Jangan memberi Trenlin 400 kepada kanak-kanak atau remaja.

Tidak ada sebarang pengalaman dengan penggunaan Trenlin 400 terhadap kanak-kanak atau remaja berumur di bawah 18 tahun.

Jangan mengambilnya jika anda hamil atau berniat untuk hamil.

Trenlin 400 boleh menjejaskan bayi yang sedang membesar jika anda mengambilnya semasa hamil. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan tentang risiko dan manfaat mengambil Trenlin 400 semasa hamil.

Jangan mengambilnya jika anda menyusui bayi atau bercadang untuk menyusukan bayi.

Jangan mengambil Trenlin 400 selepas tarikh luput (EXP) yang dicetak pada pek.

Jika anda mengambilnya selepas tarikh luput, ia mungkin tidak berkesan.

Jangan mengambilnya jika pembungkusan ubat terkoyak atau terdapat tanda salahguna.

Sebelum anda mula mengambil Trenlin 400

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda alah terhadap:

- * sebarang bahan yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini
- * sebarang ubat lain yang mengandungi kafein atau theophylline (sejenis ubat digunakan untuk merawat asma)
- * sebarang bahan lain, seperti makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil atau berniat untuk hamil.

Seperti kebanyakan ubat jenis ini, Trenlin 400 tidak dinasihati untuk dimakan semasa kehamilan. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan tentang risiko dan manfaat mengambil Trenlin 400 semasa hamil.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyusu bayi atau bercadang untuk menyusu bayi.

Trenlin 400 melalui susu ibu dan terdapat kebarangkalian bayi anda akan terjejas. Doktor anda akan membincangkan tentang risiko dan manfaat mengambil Trenlin 400 jika anda menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusukan bayi.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai sebarang masalah kesihatan, terutamanya:

- * **penyakit buah pinggang atau hati**
- * **masalah tekanan darah**

* **masalah jantung seperti denyutan jantung yang tidak teratur atau pantas**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda akan menjalani pembedahan.

Jika anda belum beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang mana-mana di atas, beritahu mereka sebelum anda mula mengambil Trenlin 400.

Mengambil ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada ahli farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh bertindak balas dengan Trenlin 400. Ini termasuk:

- * warfarin dan ubat lain yang diguna untuk menghentikan pembekuan darah.
- * ubat yang digunakan untuk merawat penyakit darah tinggi
- * theophylline, sejenis ubat digunakan untuk merawat asma.
- * ubat yang digunakan untuk mengubati diabetes
- * ubat yang digunakan untuk mengubati simptom batuk dan selsema

Ubat-ubat ini mungkin akan dijejaskan oleh Trenlin 400, atau menjejaskan keberkesanannya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam amaun yang berlainan atau mengambil ubat yang lain. Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih informasi tentang langkah berjaga-jaga untuk penggunaan ubat ini atau yang perlu dielakkan semasa mengambil Trenlin 400.

Cara Pengambilan Trenlin 400

Kuantiti yang perlu diambil

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati kuantiti pil yang anda perlu ambil setiap hari. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil ubat lain.

Dos biasa ialah satu pil tiga kali sehari.

Dos standard untuk ubat ini ialah satu pil tiga kali sehari.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan dos yang berlainan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti dos yang betul untuk anda.

Mereka akan beritahu amaun yang sepatutnya untuk diambil.

Ikut arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda mengambil dos yang salah, Trenlin 400 mungkin tidak akan berkesan dan penyakit anda mungkin tidak akan bertambah baik.

Cara pengambilan ubat

Telan seluruh pil dengan segelas air atau cecair lain. Jangan kunyah atau hancurkan pil.

Setiap pil Trenlin 400 direkabentuk khas untuk melepaskan dos yang betul secara perlahan-lahan. Jika anda hancur, kunyah atau bahagikan pil Trenlin 400 ia mungkin tidak berkesan.

Masa pengambilan ubat

Ambil Trenlin 400 semasa atau sebaik sahaja selepas makan, pada masa yang sama setiap hari.

Jika anda mengambilnya dengan perut kosong, ia mungkin menyebabkan sakit perut.

Ambil Trenlin 400 pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil Trenlin 400 pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

Jika anda tidak pasti masa pengambilan Trenlin 400, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lamakah Trenlin 400 perlu diambil

Ambil Trenlin 400 secara berterusan selagi diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ubat ini membantu mengawal penyakit anda, tetapi ia tidak boleh menyembuhkannya. Jadi, anda harus mengambilnya setiap hari.

Trenlin 400 mengambil masa untuk bertindak. Simptom anda mungkin

beransur pulih dalam 2 – 4 minggu, bagaimanapun ia mungkin mengambil masa 8 minggu untuk menunjukkan kesannya.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti berapa lama ubat ini perlu diambil.

Jika anda terlupa mengambil ubat

Jangan menebus dos yang terlepas dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Ini mungkin menambah risiko mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang anda lupa dan ambil dos berikutnya mengikut jadual biasa.

Jangan menggandakan dos untuk menebus dos yang terlepas.

Jika masih ada tempoh masa yang lama sebelum dos seterusnya, ambil Trenlin 400 secepat yang anda ingati dan kemudian kembali mengambil dos anda seperti biasa.

Jika anda tidak pasti apa yang harus dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda menghadapi masalah untuk mengingati masa untuk mengambil ubat, sila dapatkan petua daripada ahli farmasi anda.

Jika anda terlebih ambil ubat (Dos berlebihan)

Jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja mungkin terlebih mengambil ubat Trenlin 400, hubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang terdekat dengan segera.

Berbuat demikian meskipun tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda terlebih mengambil Trenlin 400, anda mungkin berasa muka merah-merah, gayang atau pening, mengantuk atau anda juga boleh merasa samar-samar.

Semasa anda mengambil Trenlin 400

Perkara yang patut anda lakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Trenlin 400.

Jika anda akan mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Trenlin 400.

Jika anda akan menjalani pembedahan yang memerlukan anestetik umum, beritahu doktor atau doktor gigi anda bahawa anda sedang makan Trenlin 400.

Jika anda hamil semasa anda mengambil Trenlin 400, beritahu doktor anda dengan segera.

Perkara yang tidak patut anda lakukan

Jangan mengambil dos yang berlebihan melainkan diberitahu doktor anda.

Jangan beri Trenlin 400 kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang serupa dengan anda.

Jangan menggunakan Trenlin 400 untuk merawat sebarang aduan lain, melainkan doktor anda memberitahu anda untuk berbuat sedemikian.

Jangan berhenti mengambil Trenlin 400 atau mengurangkan dos ubat sebelum berbincang dengan doktor anda.

Jangan berhenti mengambil pil anda kerana berasa lebih sihat, kecuali dinasihati oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang perlu diambil perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda memahami bagaimana Trenlin 400 boleh mempengaruhi anda.

Trenlin 400 mungkin menyebabkan pening atau gayang pada sesetengah orang. Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap Trenlin 400 sebelum anda memandu kereta atau melakukan apa-apa kerja yang mungkin membahayakan jika anda berasa pening.

Kesan Sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Doktor atau ahli

farmasi anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ubat ini berbanding manfaat yang dijangkakan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan berikut.

Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda berasa tidak selesa semasa mengambil Trenlin 400.

Ia membantu kebanyakan orang, tetapi ia mungkin ada kesan sampingan yang tidak diinginkan di kalangan segelintir orang.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana daripada yang berikut yang membimbangkan anda:

- * loya, muntah atau sakit perut
- * rasa perut kembung
- * cirit-birit atau sembelit
- * pening
- * sakit kepala
- * masalah tidur
- * penglihatan yang kabur
- * mengantuk
- * ruam

Ini adalah kesan sampingan ubat ini yang ringan dan biasanya sementara.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana daripada yang berikut:

- menggeletar
- pendarahan atau lebih mudah lebam daripada biasa
- kekuningan pada kulit dan mata (jaundis)

Ini adalah kesan sampingan Trenlin 400 yang serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Kesan sampingan serius jarang berlaku.

Jika mana-mana yang berikut berlaku, berhenti mengambil Trenlin 400 dan beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital yang berdekatan:

- Bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau kerongkong yang boleh menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas.

Ini adalah kesan sampingan yang serius. Jika anda mengalaminya, anda mungkin ada alahan serious terhadap Trenlin 400. Anda memerlukan rawatan perubatan dengan segera atau dimasukkan ke hospital.

Kesan sampingan ini jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda notis apa-apa sahaja yang membuat anda berasa kurang sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku dalam sesetengah pengguna.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini.

Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab sebarang soalan yang anda ada.

Selepas mengambil Trenlin 400

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang sebarang aspek ubat ini atau apa-apa soalan tentang informasi dalam risalah ini, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Penyimpanan

Simpan pil anda dalam pek blister sehingga tiba masa untuk mengambil ubat tersebut.

Jika anda mengeluarkan pil daripada kotak atau pek blister, mereka tidak boleh disimpan dengan baik.

Simpan ubat di tempat yang dingin, kering, dan suhu berada di bawah 30°C.

Jangan simpan Trenlin 400 atau ubat lain dalam bilik mandi, dekat dengan sinki atau di sisi tetingkap.

Jangan tinggalkan ubat dalam kereta.
Hangat dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jauhkan Trenlin 400 daripada kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda menyuruh anda berhenti mengambil Trenlin 400, atau ubat itu sudah luput tarikh, sila bertanya kepada ahli farmasi anda apa yang harus dilakukan pada baki ubat tersebut.

Kembalikan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda.

Deskripsi Produk

Bentuk ubat

Trenlin 400 – Pil berbentuk “caplet”, bersalut merah jambu dengan huruf “CCM” di sebelah dan kosong pada sebelah yang lain.

Kandungan

Kandungan aktif:
Trenlin 400 – 400 mg
pentoxifylline setiap pil.

Pengilang/ Pengedar

Trenlin 400 dihasilkan oleh:
UPHA Pharmaceuticals Mfg (M) Sdn.Bhd.
(53667-M)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Trenlin 400 diedarkan oleh:
CCM Pharmaceuticals Sdn.Bhd.
(27754-W)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Risalah ini telah disediakan pada bulan Oktober 2011.

Nombor Pendaftaran Malaysia:
Trenlin 400 - MAL05032541ASC

Trenlin 400

Pentoxifylline

Consumer Medicine Information (CMI)

What is in this leaflet

This leaflet answers some common questions about Trenlin 400.

It does not contain all the available information. It does not take the place of talking to your doctor or pharmacist.

All medicines have risks and benefits. Your doctor has weighed the risks of you taking this medicine against the benefits they expect it will have for you.

If you have any concerns about taking this medicine, ask your doctor or pharmacist.

Keep this leaflet with the medicine. You may need to read it again.

What Trenlin 400 is used for

Trenlin 400 is a type of medicine used to improve the circulation of the blood.

Trenlin 400 is used to treat the symptoms of a condition called chronic occlusive arterial disease. Symptoms of this disease can include lameness and pain, usually in the leg muscles.

Trenlin 400 is a slow release tablet, which means that the active ingredient is released slowly over several hours.

Your doctor, however, may prescribe Trenlin 400 for another purpose.

Ask your doctor if you have any questions about why it has been prescribed for you.

This medicine is only available with a doctor's prescription.

Before you take it

When you must not take it

Do not take Trenlin 400 if you have:

- * had a recent operation
- * bleeding problems
- * heart problems, such as having suffered a heart attack
- * kidney or liver problems
- * stomach ulcers or a history of stomach ulcers
- * had a allergic reaction to caffeine or theophylline (a medicine used to treat asthma)

Do not take Trenlin 400 if you are allergic to it or any of the ingredients listed at the end of this leaflet.

Some symptoms of an allergic reaction include skin rash, itching, shortness of breath or swelling of the face, lips or tongue, which may cause difficulty in swallowing or breathing.

Do not give Trenlin 400 to a child or adolescent.

There is no experience with its use in children or adolescents under 18 years old.

Do not take it if you are pregnant or intend to become pregnant.

It may affect your developing baby if you take it during pregnancy. Your doctor or pharmacist will discuss the risks and benefits of taking it if you are pregnant.

Do not take it if you are breastfeeding or planning to breastfeed.

Do not take it after the expiry date (EXP) printed on the pack.

If you take it after the expiry date has passed, it may not work as well.

Do not take it if the packaging is damaged or shows signs of tampering.

Before you start to take it

Tell your doctor or pharmacist if you have allergies to:

- * **any of the ingredients listed at the end of this leaflet**
- * **any other medicines including caffeine or theophylline (a medicine used to treat asthma)**
- * **any other substances, such as foods, preservatives or dyes.**

Tell your doctor or pharmacist if you are pregnant or intend to become pregnant.

Like most medicines of this kind, Trenlin 400 is not recommended to be used during pregnancy. Your doctor or pharmacist will discuss the risks and benefits of taking it if you are pregnant.

Tell your doctor or pharmacist if you are breastfeeding or planning to breastfeed.

Trenlin 400 passes into breast milk and there is a possibility your baby may be affected. Your doctor will discuss the risks and benefits of taking it if you are breastfeeding or planning to breastfeed.

Tell your doctor if you have or have had any medical conditions, especially the following:

- * kidney or liver problems
- * problems with your blood pressure
- * problems with your heart eg. an irregular or rapid heart beat

Tell your doctor or pharmacist if you plan to have surgery.

If you have not told your doctor or pharmacist about any of the above, tell them before you take Trenlin 400.

Taking other medicines

Tell your doctor or pharmacist if you are taking any other medicines, including any that you buy without a prescription from your pharmacy, supermarket or health food store.

Some medicines may interfere with how Trenlin 400 works. These include:

- * warfarin and other medicines used to stop blood clots.
- * medicines used to treat high blood pressure
- * theophylline, a medicine used to treat asthma
- * some medicines used to treat diabetes
- * some medicines used to treat the symptoms of cough and colds

These medicines may be affected by Trenlin 400, or may affect how well it works. You may need to use different amounts of your medicine, or take different medicines. Your doctor or pharmacist will advise you. Your doctor or pharmacist has more information on medicines to be careful with or to avoid while taking Trenlin 400.

How to take it

How much to take

Your doctor or pharmacist will tell you how many tablets you will need to take each day. This depends on your condition and whether or not you are taking any other medicines.

The usual dosage is one tablet three times a day.

The standard dose for this medicine is one tablet three times a day.

Your doctor may have prescribed a different dose.

Ask your doctor or pharmacist if you are unsure of the correct dose for you.

They will tell you exactly how much to take.

Follow the instructions they give you.

If you take the wrong dose, Trenlin 400 may not work as well and your problem may not improve.

How to take it

Swallow the tablet whole with a full glass of water or other liquid. Do not crush or chew the tablets.

Each Trenlin 400 tablet has been especially designed to slowly release the right dose of medicine. If you crush, chew or divide Trenlin 400 tablets they will not work properly.

When to take it

Take Trenlin 400 during or immediately after a meal, at about the same time each day.

If you take it on an empty stomach, it may cause stomach upset.

Take Trenlin 400 at about the same time each day.

Taking your tablets at the same time each day will have the best effect. It will also help you remember when to take the tablets.

If you are not sure when to take it, ask your doctor or pharmacist.

How long to take it

Continue taking your medicine for as long as your doctor or pharmacist tells you.

The medicine helps control your condition, but it does not cure it. Therefore, you must take it every day.

Trenlin 400 can take time to work. Your symptoms may improve within 2-4 weeks, however it can take up to 8 weeks to take effect.

Ask your doctor or pharmacist if you are not sure how long to take the medicine for.

If you forget to take it

Do not try to make up for missed doses by taking more than one dose at a time.

This may increase the chance of getting an unwanted side effect.

If it is almost time for your next dose, skip the dose you missed and take the next dose when you are meant to.

Do not take a double dose to make up for the dose you have missed.

If there is still a long time to go before your next dose, take it as soon as you remember, and then go back to taking it as you would normally.

If you are not sure what to do, ask your doctor or pharmacist.

If you have trouble remembering when to take your medicine, ask your pharmacist for hints.

If you take too much (overdose)

Immediately telephone your doctor, or go to Accident and Emergency at your nearest hospital, if you think you or anyone else may have taken too much Trenlin 400.

Do this even if there are no signs of discomfort or poisoning.

You may need urgent medical attention.

If you take too much Trenlin 400, you may feel flushed, light-headed or dizzy, drowsy or you may also feel faint.

While you are taking it

Things you must do

Tell all the doctors, dentists and pharmacists who are treating you that you are taking Trenlin 400.

If you are about to be started on any new medicine, tell your doctor and pharmacist that you are taking Trenlin 400.

If you plan to have surgery that needs a general anaesthetic, tell your doctor or dentist that you are taking this medicine.

If you become pregnant while you are taking this medicine, stop taking it and tell your doctor or pharmacist immediately.

Things you must not do

Do not take more than the recommended dose unless your doctor tells you to.

Do not give this medicine to anyone else, even if they have the same condition as you.

Do not use this medicine to treat any other complaints unless your doctor tells you to.

Do not stop taking Trenlin 400, or lower the dosage, without checking with your doctor.

Do not stop taking your tablets because you are feeling better, unless advised by your doctor or pharmacist.

Things to be careful of

Be careful driving or operating machinery until you know how Trenlin 400 affects you.

It may cause dizziness or light-headedness in some people, especially after the first dose. Make sure you know how you react to it before you drive a car, operate machinery, or do anything else that could be dangerous if you feel dizzy.

Side effects

All medicines have some unwanted side effects. Sometimes they are serious, but most of the time they are not. Your doctor or pharmacist has weighed the risks of using this medicine against the benefits they expect it will have for you.

Do not be alarmed by this list of possible side effects.

You may not experience any of them.

Tell your doctor or pharmacist as soon as possible if you do not feel well while you are taking Trenlin 400.

It helps most people, but it may have unwanted side effects in a few people.

Tell your doctor or pharmacist if you notice any of the following and they worry you:

- * nausea, vomiting or an upset stomach
- * feeling bloated
- * diarrhoea or constipation
- * dizziness
- * headache
- * problems sleeping
- * blurred vision
- * drowsiness
- * rash

These are mild side effects of this medicine and usually short-lived.

Tell your doctor or pharmacist immediately if you notice any of the following:

- * tremor
- * bleeding or bruising more easily than normal
- * yellowing of the skin and eyes (jaundice)

These may be serious side effects of Trenlin 400. You may need urgent medical attention. Serious side effects are uncommon.

If any of the following happen, stop taking this medicine and tell your doctor immediately, or go to Accident and Emergency at your nearest hospital:

*** swelling of the face, lips, mouth or throat, which may cause difficulty in swallowing or breathing.**

These are very serious side effects. If you have them, you may have had a serious allergic reaction to Trenlin 400. You may need urgent medical attention or hospitalisation.

These side effects are very rare.

Tell your doctor or pharmacist if you notice anything else that is making you feel unwell.

Other side effects not listed above may occur in some consumers.

Do not be alarmed by this list of possible side effects.

You may not experience any of them.

Ask your doctor or pharmacist to answer any questions you may have.

After taking it

If you have any queries about any aspect of your medicine, or any questions regarding the information in this leaflet, discuss them with your doctor or pharmacist.

Storage

Keep your tablets in the blister pack until it is time to take them.

If you take the tablets out of the box or the blister pack they may not keep well.

Keep the medicine in a cool, dry place where the temperature stays below 30 degrees C.

Do not store it or any other medicine in the bathroom, near a sink, or on a windowsill.

Do not leave it in the car.

Heat and damp can destroy some medicines.

Keep it where children cannot reach it.

A locked cupboard at least one-and-a-half metres above the ground is a good place to store medicines.

Disposal

If your doctor or pharmacist tells you to stop taking Trenlin 400, or the medicine has passed its expiry date, ask your pharmacist what to do with any that are left over.

Return any unused medicine to your pharmacist.

Product description

What it looks like

Trenlin 400 – Pink, caplet shaped, film coated tablet, “CCM” embossed on one side and plain on the other side

Trenlin 400 is available in bottles of 30 and 100 tablets.

Ingredients

Active Ingredient:

Trenlin 400 - 400 mg pentoxifylline per tablet

Manufacturer/Distributor

Trenlin 400 is manufactured by:
UPHA Pharmaceuticals Mfg (M) Sdn.Bhd.

(53667-M)
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Trenlin 400 is distributed by:
CCM Pharmaceuticals Sdn.Bhd.
(27754-W)

Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

This leaflet was prepared in October 2011.

Malaysian Registration Number:
Trenlin 400 - MAL05032541ASC